

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 3 SEPTEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 46

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1143-L10393
Dato' Seri Diraja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah hak eksklusif mengimport beras akan disambung pemberiannya kepada BERNAS memandangkan tempohnya akan tamat tidak lama lagi.
2. PR-1143-L11062
Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh [Kuala Langat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sebagai pengerusi OIC, tindakan diambil oleh OIC dan "The World Islamic Call Society" untuk menggariskan keutamaan dari segi ekonomi, politik, pendidikan dan kebudayaan agar pemimpin-pemimpin negara Islam dapat mengambil tindakan sewajarnya. Adakah kata sepakat telah tercapai untuk tidak hanya berdakwah Islamiah semata-mata dan bersengketa sesama sendiri tetapi meningkatkan erti Islam secara holistik.
3. PR-1143-L10967
Dato' Dr. Wan Hashim Bin Wan Teh [Gerik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah di antara syor-syor yang bakal dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk memperbaiki disiplin para pelajar di sekolah yang pada akhir-akhir ini nampaknya semakin menurun.
4. PR-1143-L10489
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan punca dan tahap pencemaran buangan industri dalam negara, serta kawal selia ke atas pelepasan air kumbahan yang tidak dirawat. Sejauh mana pengawasan kualiti air sungai di seluruh negara oleh pihak JAS.

5. PR-1143-L10013
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah untuk mengurangkan kemalangan di lebuh raya berikutan kes kemalangan di lebuh raya semakin tinggi.
6. PR-1143-L9894
Dato' Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah tanah rizab, terutama milik kerajaan Persekutuan dan setakat mana pembangunan telah dilaksanakan ke atas tanah rizab itu.
7. PR-1143-L11108
Tuan Haji Fadillah Bin Yusof [Petra Jaya] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah projek-projek pembangunan prasarana sukan yang telah dan akan dilaksanakan di negeri Sarawak.
8. PR-1143-L11016
Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
 - (a) sejauh manakah keberkesanan FAMA di dalam menangani masalah pemasaran petani kecil durian, rambutan, manggis, dokong, limau dan buah naga akhir-akhir ini di seluruh negara; dan
 - (b) adakah kita masih perlu mengimport buah-buahan tempatan dari luar dan menyebabkan petani kita merana.
9. PR-1143-L10474
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula arahan menandatangani akujanji yang dikenakan kepada pensyarah Universiti.
10. PR-1143-L11084
Tuan Mohd. Daud Bin Haji Tarihep [Kuala Selangor] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah pendekatan dan program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam pemuliharaan sungai-sungai yang tercemar di negara ini termasuk Sungai Selangor dan Sungai Sembilang di Kuala Selangor.
11. PR-1143-L10754
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramai pesakit yang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) mengikut tahun dari tahun 2001 hingga 2006.

12. PR-1143-L10328
Tan Sri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan memperkenalkan skim pencen sosial sebagai suatu langkah menangani masalah kemiskinan di kalangan warga tua sekiranya tidak, apakah sebab-sebabnya.
13. PR-1143-L10091
Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah positif yang dilakukan oleh pihak Kementerian di dalam menaik taraf arena sukan negara kita khususnya di dalam sukan bola sepak negara agar arena sukan negara kita dapat " Duduk Sama Rendah, Berdiri Sama Tinggi" di peringkat antarabangsa.
14. PR-1143-L10150
Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen-dokumen yang sah atas sebab-sebab masalah kesilapan dan kecuaiannya ibu bapa untuk mendapatkan kad pengenalan.
15. PR-1143-L10902
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional syarikat Proton menjual MV Augusta dengan 1 Euro kepada Syarikat Gevi, memandangkan Gevi mampu menjual satu pertiga daripada MV Augusta dengan harga 93 juta Euro. Sila nyatakan anggota lembaga pengarah Gevi dan sama ada Kerajaan akan menubuhkan suruhanjaya khas untuk menyiasat kesilapan urus niaga Proton tersebut.
16. PR-1143-L10953
Datuk Haji Md. Alwi Bin Haji Che Ahmad [Ketereh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian sedar bantuan insentif untuk membajak sawah hanya dibolot oleh tuan-tuan punya mesin pembajak dan tidak dirasai oleh petani dan upah membajak juga telah dinaikkan ke tahap yang membebaskan petani. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.
17. PR-1143-L10272
Dato' Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah program belia dalam pelbagai bidang telah diaudit dari segi pelaksanaan dan keberkesanannya. Jika ya, sila nyatakan hasil dan petunjuk yang diperolehi.
18. PR-1143-L10052
Dato' Ghazali Bin Ibrahim [Padang Terap] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah peranan Kementerian bagi menyelesaikan krisis di dalam Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Apakah perancangan untuk meningkatkan mutu sukan negara.

19. PR-1143-L10724
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bukti perubahan cuaca yang menimbulkan banjir dan kemarau termasuk faktor-faktor seumpama gas-gas buatan manusia dan edaran bumi. Apakah rancangan untuk mengatasinya.
20. PR-1143-L9927
Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berikutan prestasi pasukan bola sepak yang memalukan di Piala Asia sehingga pasukan bola sepak negara tidak dapat masuk ke pusingan seterusnya, apakah tindakan dan perancangan Kementerian terhadap FAM yang gagal mempertingkatkan prestasi bola sepak negara.
21. PR-1143-L11142
Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah asas Kerajaan yang telah mengumumkan bahawa Kerajaan menimbang untuk memberikan status pemastautin tetap kepada pelarian Filipina yang memegang Kad IMM13 memandangkan peperangan di Filipina Selatan telah lama berakhir dan pelarian berkenaan sepatutnya dihantar balik ke negara mereka.
22. PR-1143-L10307
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan keadaan jenayah dan ketakutan terhadap jenayah di negara menjadi lebih serius berbanding tiga tahun dahulu dan bagaimana tiga cadangan utama Suruhanjaya DiRaja Polis terhadap Polis iaitu mengurangkan jenayah, menghapuskan rasuah dan menghormati hak asasi manusia dapat dicapai.
23. PR-1143-L10595
Dato' Paduka Badruddin Bin Amiruldin [Jerai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status rundingan antara Proton dengan Volkswagen tentang rakan kongsi yang baru. Apakah sebabnya syarikat-syarikat motor kereta tempatan tidak dilayan dan permohonan mereka dipertimbangkan untuk mengambil alih atau usaha sama dengan Proton.
24. PR-1143-L10846
Datuk Ir. Hasni Bin Haji Mohammad [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Rancangan Malaysia Ke-9 berjalan seperti mana jadual perancangan dan bolehkah disenaraikan pencapaian mengikut bidang-bidang yang berkenaan.
25. PR-1143-L9860
Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian terbaru Kerajaan Persekutuan terhadap pemberian secara automatik status penduduk tetap kepada warga Filipina yang memegang dokumen IMM 13 di Sabah selepas bantahan Kerajaan Negeri serta kemungkinan memberi status penduduk tetap bagi mereka yang bermastautin di Semenanjung Malaysia.

26. PR-1143-L10403
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tentang langkah-langkah konkrit Kerajaan dalam membendung kenaikan harga besi, besi keluli dan bahan-bahan binaan yang lain di negara ini.
27. PR-1143-L10065
Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengapa laluan perkhidmatan bas "Rapid Penang" tidak meliputi kawasan-kawasan yang padat penduduknya seperti Jalan Raja Uda, Mak Mandin dan Jalan Ong Yi How di Butterworth. Bilakah laluan ini dapat disemak semula dan dilaksanakan.
28. PR-1143-L9841
Tuan Che Azmi Bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan terakhir rakyat termiskin mengikut kaum dan negeri. Setakat manakah kejayaan strategi Kerajaan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat termiskin dan apakah strategi Kerajaan untuk mencapai matlamat miskin sifar.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Perbekalan 2008

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 38/2007) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan **Bacaan Kali**
(2007) 2007 **Yang Kedua**
(Menteri Kewangan)

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan:

“ Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion sepuluh juta lima ratus ribu empat ratus sembilan puluh ringgit (RM1,010,500,490) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2007, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2007 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 2007 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut. “

2. (D.R. 40/2007) Rang Undang-undang Ahli Parlimen **Bacaan Kali**
(Saraan)(Pindaan) 2007 **Yang Kedua**
(Perdana Menteri)
3. (D.R. 39/2007) Rang Undang-undang Pemberian “
Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007
(Menteri Kewangan)

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5(d) Akta Bank Pembangunan Islam 1975, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia meningkatkan sumbangan kepada Poverty Reduction Fund bagi Bank Pembangunan Islam (IDB) daripada US\$1,000,000 kepada US\$20,000,000”.

5. PR-1143-U9810
Datuk Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [Santubong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari tuntutan Agama, budaya dan kontrak sosial menarik pelbagai hala mirip kepada kepentingan kelompok-kelompok yang tertentu. Dalam episod itu bangkit pejuang-pejuang (Champions) yang mempunyai agenda politik, sosial dan peribadi untuk kepentingan sendiri, kelompok dan kumpulan yang diwakilinya. Demi kemujaraban bersama dan kepentingan politik semasa trade-off yang nampaknya sebagai mengeneipkan program perpaduan jangka panjang berlaku. Ada unsur-unsur yang menunjukkan bahawa Pejuang-pejuang (Champions) ini kurang minat untuk berkorban dan bertolak ansur demi perpaduan dan negara. Dewan ini digesa agar Kerajaan bersikap tegas dan jangan berkompromi atas sebab jangka pendek untuk kemakmuran, perpaduan dan keharmonian negara jangka panjang."

(Perdana Menteri)

6. PR-1143-U9815
Datuk Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [Santubong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari gejala sosial di kalangan belia di negara ini masih menular dan menyubur. Dorongan banyak mirip kepada agenda sukan dari pada memberi tekanan kepada pembelaan nasib dan pembangunan belia. Pendekatan Kementerian Belia dan Sukan kepada pembangunan dan pembelaan belia juga tidak teratur dan sistematik. Perimbangan pembangunan prasarana dan perisian juga kurang berkesan dan tepat. Dewan ini digesa untuk mengambil kedudukan agar dasar belia negara dikaji semula dan pelaksanaan dasar tersebut diberi nafas baru untuk memperkasa dan menempatkan belia di tempat yang sewajarnya untuk negara yang tercinta ini."

(Menteri Belia dan Sukan)

7. PR-1143-U9822
Datuk Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [Santubong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari ada fakta-fakta yang tertentu menunjukkan bahawa kemasukan pelajar-pelajar lelaki ke institusi pengajian tinggi menurun dari tahun ke tahun. Dalam masa yang sama graduan wanita yang banyak keluar dari universiti telah menjana kepada jumlah yang terbesar dari siswazah yang menganggur. Dalam keadaan yang pertama Kerajaan tidak mempunyai satu jawapan untuk menyelesaikan masalah agar perimbangan kemasukan pelajar lelaki dan wanita ke institusi pengajian tinggi dengan tidak menjejaskan

dasar meritokrasi yang ada. Dalam situasi yang kedua Kerajaan mengambil jalan mudah untuk memuaskan cita rasa konstituen dengan program yang membazirkan. Dewan ini digesa untuk membuat satu ketetapan untuk mendorong Kerajaan agar menggubal satu dasar yang komprehensif, berpatutan, untuk jangka panjang yang boleh menyelesaikan masalah perimbangan kemasukan jantina ke institusi pengajian tinggi dan graduan menganggur dengan tidak mengetepikan soalan ke berpatutan dan meritokrasi."

(Menteri Pengajian Tinggi)

8. PR-1143-U9850

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa peranan yang dimainkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah amatlah penting dalam pembangunan negara terutama sekali dalam peningkatan kesejahteraan hidup rakyat sepertimana yang telah disasarkan oleh kepimpinan negara, Dan mengambil maklum bahawa, dengan jumlah kakitangan yang terhad dan halangan lain terutama sekali dalam hal penyukatan tanah secara fizikal, kemampuan sistem penghantaran jabatan ini adalah sangat terhad. Keadaan ini diburukkan lagi dengan keadaan geografi dan fizikal di negeri Sabah amat mencabar. Serta mengambil maklum bahawa peranan Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah dapat dimantapkan lagi sistem penghantarannya dengan menambah-baik dan memperlengkap akan lagi sistem komputer (ICT) jabatan ini. Keberkesanan sistem ICT ini jelas dapat dilihat dalam sistem E-Tanah dan sistem E-Cadastre yang telah dijalankan di Semenanjung Malaysia. Dengan adanya sistem komputer yang canggih ini pengukuran tanah dan pengeluaran geran tanah dapat dipercepatkan lagi dengan mendadak dan sekali gus urusan pembangunan tanah dapat dipercepatkan. Bagi membolehkan pembangunan tanah terbiar atau tidak bergeran dapat dilakukan, satu langkah drastik hendaklah diambil bagi memastikan bahawa tidak ada satu daerah pun di negara ini ketinggalan dalam pembangunan negara.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan menyediakan dana khas yang berjumlah lebih kurang 150 juta bagi membiayai pembangunan sistem ICT jabatan ini dan sekali gus akan dapat mempercepatkan lagi pembangunan negara terutama sekali dalam sektor pembangunan tanah."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

9. PR-1143-U9859

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Fenomena Pemanasan Global pada dewasa ini amat membimbangkan dan telah sampai ke peringkat yang membimbangkan, Dan mengambil maklum bahawa, fenomena ini berlaku atas sebab yang dihasilkan sendiri oleh masyarakat dunia melalui penggunaan bahan bakar Fossil Fuel dan bahan-bahan lain yang melepaskan Gas Karbon Dioksida (Co2) atau lebih dikenali dengan nama rumah gas hijau (Green Gas House). Dengan Kadar sedia ada, suhu dunia akan melonjak dengan mengejut antara 1.4% - 5.8% menjelang tahun 2050. Ini jelas akan menyebabkan pencairan ais di Kutub Utara dan suhu kepanasan dunia akan menjadi terlalu panas dan tidak lagi sesuai untuk kehidupan bagi manusia.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu Rang Undang-Undang atau Akta berkenaan dengan pembaziran tenaga, supaya mereka yang bertanggungjawab dalam pembaziran tenaga boleh didakwa di mahkamah."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sektiar)

10. PR-1143-U9920

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk meminta YAB. Perdana Menteri menubuhkan suatu Suruhanjaya Kehakiman supaya pelantikan, kenaikan pangkat dan pemindahan hakim-hakim adalah telus dan bebas dan mengenal pasti sebab penangguhan yang berterusan dalam keputusan kehakiman yang dipengerusikan oleh hakim-hakim sendiri dan mencari cara penyelesaian untuk mengatasi masalah ini."

(Perdana Menteri)

11. PR-1143-U9921

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memastikan semua pemberian kontrak oleh Kerajaan dilakukan dalam lingkungan tanpa hubungan politik dan semua pemberian tender dibuka dan dipaparkan."

(Menteri Kewangan)

12. PR-1143-U9922

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, semua institusi keagamaan di negara ini mempunyai peranan yang penting bagi membangunkan umat mereka sendiri, supaya menjadi warganegara Malaysia yang bertoleransi dan bertanggungjawab. Dan mengambil maklum bahawa pada ketika ini, tidak ada satu badan khas yang disediakan oleh pihak Kerajaan dalam menangani isu-isu sensitif sepertimana yang selalu dimainkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Dan mengambil maklum juga, bahawa niat murni Kerajaan dalam penerapan nilai-nilai murni Islam Hadhari di kalangan semua rakyat Malaysia hendaklah sampai dan difahami oleh semua lapisan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Maka dengan ini, Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu institusi atau Jabatan yang akan bertindak sebagai penghubung antara Kerajaan dan semua institusi keagamaan bukan Islam agar semua program yang dijalankan oleh Kerajaan dapat diterima baik oleh semua pihak."

(Perdana Menteri)

13. PR-1143-U9949

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, sungai-sungai merupakan sumber bekalan air terpenting negara. Dan mengambil maklum bahawa pencemaran sungai-sungai di negara ini semakin serius, maka kempen Selamatkan Sungai Kita anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dianggap gagal, di mana terdapat sungai-sungai yang sudah dianggap mati. Dan mengambil maklum juga, bahawa semua spesies ikan-ikan Indigenous seperti ikan Pelian, Serawi, Rokot dan lain-lain lagi telah kian pupus oleh kerana aktiviti manusia yang tidak bertanggung-jawab.

Dan mengambil maklum bahawa, hakisan sungai menjadi sangat serius pada ketika ini kerana tiadanya sokongan aur-aur pepohon di tebing-tebing sungai, disebabkan pokok-pokok di tebang secara diskriminasi.

Dengan ini, adalah dicadangkan bahawa semua sungai di seluruh negara dijadikan sebagai kawasan Tagal di mana semua sungai dijadikan kawasan larangan menangkap ikan termasuklah aktiviti memukat dan memancing.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda atau menggubal mana-mana akta untuk menubuhkan satu jabatan atau badan yang dikenali sebagai Lembaga Sungai. Lembaga Sungai ini akan diberi kuasa untuk memantau semua aktiviti di atas."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

14. PR-1143-U10372

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan dan menggesa Kerajaan memulihkan semula pilihan raya Kerajaan tempatan seluruh negara, termasuk Wilayah Persekutuan memandangkan kelemahan sistem pentadbiran majlis Kerajaan tempatan sedia ada yang memudahkan berlaku penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, ketiadaan akauntabiliti kepada rakyat sejak akhir-akhir ini serta sistem pelantikan dan giliran ahli majlis yang tidak berkesan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

15. PR-1143-U10373

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan membuat ketetapan menggesa Kerajaan menubuhkan Muzium Kapitan Yap Ah Loy, peneroka Bandar Kuala Lumpur, bagi menghargai sumbangan mendiang membuka dan membangunkan Bandar Kuala Lumpur yang mana sehingga kini menjadi ibu negara Malaysia dan bandar raya bertaraf dunia."

(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

16. PR-1143-U10503

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tujuan sektor perkilangan merupakan sektor yang menjadi fokus ekonomi utama Kerajaan sejak tahun 2000. Pelan Induk Perindustrian Ketiga yang merangkumi tempoh 15 tahun (tahun 2006-2020) disediakan supaya dapat meningkatkan daya saing industri pembuatan dan perkhidmatan. Menyedari hakikat bahawa perubahan struktur ekonomi mempunyai implikasi yang penting ke atas permintaan masa hadapan bagi pembangunan sumber manusia di negara ini. Apabila ekonomi menuju ke arah kegiatan perkilangan yang lebih canggih dan berteknologi tinggi, satu bekalan guna tenaga yang mencukupi adalah diperlukan. Maka dengan ini Dewan ini mengambil keputusan bahawa institusi vokasional dan politeknik perlu ditambahkan lagi untuk memenuhi pertambahan dalam permintaan bagi pekerja mahir dan teknikal."

(Menteri Sumber Manusia)

17. PR-1143-U10504

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini melahirkan rasa sedih terhadap kekalahan yang teruk bagi pasukan bola sepak negara kita dalam Asian Cup yang diadakan baru-baru ini. Bahawa Dewan ini merasa amat kesal dengan kegagalan tersebut yang menjejaskan prestasi sukan dan imej negara. Kejadian ini juga membazirkan beribu-ribu juta ringgit yang telah dilaburkan ke dalam bidang bola sepak. Maka Dewan ini mengambil ketetapan agar sebuah Jawatankuasa Khas ditubuhkan serta merta untuk mengkaji semula segala kekurangan dan kelemahan dalam bidang sukan negara kita khususnya bidang bola sepak supaya bidang sukan negara kita dapat terus berkembang dan mengharumkan nama negara kita di peringkat antarabangsa."

(Menteri Belia dan Sukan)

18. PR-1143-U10505

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari banjirian pendatang asing Indonesia yang sah dan tanpa izin yang begitu ramai sehingga menimbulkan masalah sosial dan mengancam ketenteraman masyarakat. Maka dengan ini Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak institusi pentadbiran Kerajaan mengambil tindakan yang tegas untuk mengatasi masalah ini dan mengenakan hukuman yang berat terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan golongan yang terlibat."

(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri)

19. PR-1143-U10521

Tuan Haji Abdul Fatah Bin Haji Harun [Rantau Panjang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya suatu Suruhanjaya Diraja hendaklah ditubuhkan bagi menyiasat semua laporan-laporan dakwaan salah laku rasuah dan penyelewengan yang dihadapkan kepada Bekas Ketua Badan Pencegah Rasuah, Datuk Zulkifli Mat Noor dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan. Fakta-fakta kes yang dibawa oleh bekas Pengarah BPR Sabah, Ramli Manan terhadap Bekas Ketua Pengarah BPR itu sepatutnya tidak terlepas begitu sahaja oleh Peguam Negara. Begitu juga laporan yang dibuat oleh pegawai Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengenai dakwaan kes rasuah membabitkan Ketua Polis Negara seperti yang dinyatakan dengan jelas di Dewan yang mulia oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kubang Pasu pada mesyuarat lalu membayangkan suatu yang tidak kena telah berlaku dalam institusi Kerajaan kini. Alasan penutupan kes-kes berprofil tinggi seperti ini oleh Peguam Negara menggambarkan betapa Integriti Jabatan Peguam Negara semakin terhakis dan kian lemah dari masa ke semasa. Rakyat sepatutnya diyakinkan dengan pertanggungjawaban Kerajaan untuk memerangi salah laku rasuah, penyelewengan dan jenayah berprofil tinggi yang kian parah."

(Perdana Menteri)

20. PR-1143-U10648
Datuk Haji Mohd Said bin Haji Yusof [Jasin] akan mencadangkan:-
- " Bahawa Dewan ini menyedari selain daripada peningkatan penagih-penagih dadah tiap-tiap tahun yang direkodkan oleh Agensi Dadah Kebangsaan terdapat jua ramai di kalangan remaja yang terlibat dalam penagihan menghidu gam. Dengan menyedari bahawa penghiduan gam ini jua amat merbahaya yang mana boleh mematikan sel-sel otak dan akan mengakibatkan mereka yang lama terlibat boleh mengalami kecacatan otak. Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan supaya memasukkan penghiduan gam sebagai perbuatan terlarang dan termasuk sebagai kesalahan menghisap dan memiliki dadah agar kegiatan ini dapat dibendung demi untuk kebaikan generasi akan datang."
(Menteri Keselamatan Dalam Negeri)
21. PR-1143-U10741
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini memperbincangkan keberkesanan dan kaedah pemeriksaan makanan-makanan tempatan dan yang diimport. Dewan juga hendaklah mendebatkan bagaimana Kerajaan memantau pelbagai jenis makanan di dalam pasaran serta kesan-kesan makanan tercemar terhadap rakyat."
(Menteri Kesihatan)
22. PR-1143-U10743
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini memperbahaskan implikasi dan akibat-akibat pendatang-pendatang dengan dan tanpa izin di negara ini. Setakat manakah Kerajaan dapat mengesan bilangan pendatang dan mengambil langkah-langkah yang efektif terhadap fenomena ini."
(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri)
23. PR-1143-U10922
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen RTM supaya rakyat boleh menonton ucapan Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."
(Perdana Menteri)

24. PR-1143-U10925
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."
(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)
25. PR-1143-U10927
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar-semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih berkesan demi memelihara kebersihan alam sekitar."
(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)
26. PR-1143-U10929
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."
(Perdana Menteri)
27. PR-1143-U10931
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."
(Menteri Keselamatan Dalam Negeri)
28. PR-1143-U11157
Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini harus menetapkan dengan seriusnya supaya dasar Kepentingan Negara (Nation Interest) diberi penjelasan dan diresapkan dalam sanubari rakyat Bangsa Malaysia agar suku kaum berbilang bangsa betul-betul memperjuangkan Patriotisme dan rakyat asing dari negara jiran dapat diberikan taraf warganegara sebagai rakyat Malaysia mengikut lunas-lunas dan proses undang-undang dan bukan dengan mudahnya menggunakan surat akuan dari pihak-pihak tertentu seperti Ketua Kampung / Ketua Masyarakat untuk mengisytiharkan mereka sebagai rakyat Malaysia."
(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri)

29. PR-1143-U11161

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya agar proses permohonan Kad Pengenalan yang menggunakan Surat Akuat dikaji semula dan disiasat dengan pengeluar MyKad supaya rakyat yang telah mendapat Kerakyatan Malaysia tidak diragui dan dipastikan bahawa insan ini mempunyai sifat patriotik tanpa menggugat keharmonian dan keselamatan negara."

(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri)

30. PR-1143-U11164

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini membincang dengan terperinci dan seriusnya terhadap masalah suku kaum, kepercayaan agama serta adat resam kaum masing-masing tanpa keraguan, kebimbangan dan tidak di sensasi demi untuk mencapai kedaulatan bangsa Malaysia yang menjunjung tetap Prinsip Rukun Negara dari semua peringkat termasuk di peringkat persekolahan rendah."

(Perdana Menteri)

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.172	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	3 September 2007

KERTAS PEMBERITAHUAN

1. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:

“ Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh lapan billion satu ratus lapan belas juta dua ratus enam puluh sembilan ribu ringgit (RM48,118,269,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2008, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2008, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 2007, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaran dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. ”